

## **Penyalahgunaan inhalan di kalangan remaja: peranan pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang**

### **ABSTRAK**

Perbuatan atau tabiat menghidu gam merupakan satu perbuatan yang terjumlah kepada penyakit sosial yang semakin berleluasa pada masa kini, paling membimbangkan ialah perbuatan ini melibatkan kanak-kanak terutama pelajar sekolah sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Gejala ini dikatakan sebagai satu alternatif kepada gejala penagihan dadah dimana ia mampu menghasilkan kesan yang sama iaitu khayal tetapi kosnya jauh lebih murah. Perbuatan ini sebenarnya memberi kesan yang mendalam terhadap kesihatan seseorang terutama di bahagian otak sehingga boleh mengundang maut. Artikel ini akan membincangkan kepentingan penegasan peruntukan undang-undang tentang penggunaan gam yang merupakan bahan yang sah di sisi undang-undang untuk kegunaan harian dengan tujuan tertentu. Kajian ini di jalankan di AADK Alor Gajah di mana temubual telah dijalankan ke atas tiga orang responden yang dikenalpasti sebagai penghidu gam selain daripada ketergantungan kepada dadah jenis sintetik. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam pemilihan responden. Artikel ini akan memfokuskan kepada dua perkara utama iaitu kesan tabiat menghidu gam terhadap seseorang dan juga sejauhmana undangundang serta sistem pendidikan dilihat mampu menjadi solusi terbaik dalam menangani hal tersebut. Beberapa cadangan turut disarankan untuk memastikan agar gejala ini dapat di tangani dengan berkesan.

**KataKunci:** Inhalan; Pendidikan; Penguatkuasaan; Undang-Undang